

Covid-19 #kitamestimenang



(30 November 2020) Posma, P-5

Melibatkan pekerja di kawasan tapak pembinaan

KL catat kes harian tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kuala Lumpur melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 493 kes atau 37.7 peratus daripada keseluruhan 1,309 kes positif Covid-19 yang direkodkan semalam.

Daripada jumlah kes positif di ibu negara itu, sebanyak 473 kes atau 95.9 peratus adalah melibatkan kluster tempat kerja iaitu di tapak pembinaan.

Ia diikuti Sabah iaitu sebanyak 290 kes atau 22.2 peratus dan Selangor sebanyak 238 kes atau 18.2 peratus.

Sebanyak 75 kes atau 5.7 peratus masing-masing melibatkan Kluster Tembok (38 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (14 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (13 kes) dan Kluster PTS Tawau (empat kes).

Ia diikuti Kluster Penjara Reman (tiga kes), Kluster GK Tawau (dua kes) dan Kluster Penjara Sandakan (satu kes).

Terdapat pertambahan tiga kes kematian di Perak, Negeri Sembilan dan Sabah melibatkan dua lelaki dan seorang wanita berusia 64, 89, dan 53



PETUGAS kesihatan melakukan saringan ke atas pekerja di tapak pembinaan bagi Kluster Tapak Bina Awan Baru, di Kuala Lumpur semalam.

tahun menjadikan jumlah kes kematian setakat ini sebanyak 357 kes.

Dalam masa sama, jumlah sembuh Covid-19 merekodkan sebanyak 1,333 kes lebih tinggi daripada kes positif baharu yang dicatatkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdul-

lah berkata, sebanyak 49 kluster melaporkan pertambahan kes dengan jumlah tertinggi iaitu Kluster Tapak Bina Awan Baru (367 kes) diikuti Kluster Bintang (76 kes) dan Kluster Bayam Indah (52 kes).

Terdapat empat kluster baharu dilaporkan iaitu Kluster Tapak Bina Sungai Mulia di Titi-

wangsa, Kuala Lumpur iaitu kes awal hasil saringan tempat kerja di sebuah tapak pembinaan dengan 23 kes dikesan positif Covid-19.

"Selain itu, tiga lagi kluster baharu ialah Kluster Batu Lima di Kota Kinabalu, Kluster Yayasan di Klang dan Kluster Hilir di Kelantan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, hanya satu kes melibatkan import, manakala selebihnya melibatkan penularan tempatan.

"Satu lagi kluster diisytiharkan tamat iaitu Kluster Megah menjadikan sebanyak 176 kluster ditamatkan setakat hari ini (semalam).

"Untuk keseluruhan, sebanyak 359 kluster telah dilaporkan di seluruh negara setakat ini," kata beliau.

Dalam pada itu, berhubung kematian ke-352 melibatkan lelaki warga asing berusia 130 tahun, Noor Hisham menjelaskan, maklumat mengenai latar belakang si mati diperoleh daripada kaum keluarga dan pihak berkuasa tempatan.